

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA: 5(B)(XXVI)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB. MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

10. Terdapat 20 kilang plastik beroperasi secara haram di Pulau Pinang.
- (a) Mengapakah kilang ini masih beroperasi?
 - (b) Apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk menutup kilang haram ini?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

10. Hasil semakan dengan kedua-dua PBT mendapati setakat ini, terdapat hanya 10 buah kilang plastik yang beroperasi secara tidak sah di Pulau Pinang. Kesemua kilang plastik tersebut terletak di kawasan Seberang Perai. Senarai kilang plastik yang beroperasi secara tidak sah tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

- (a) Dalam menangani isu kilang plastik yang beroperasi secara tidak sah, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) mempunyai Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk diikuti sebelum tindakan menutup kilang dapat dilakukan.

Tindakan yang perlu diambil oleh MBSP untuk menutup kilang yang beroperasi secara tidak sah adalah mengikut peruntukkan Akta Kerajaan Tempatan 1976 seperti berikut:

- (i) Mengeluarkan Notis Tawaran Kompaun;

- (ii) Mengeluarkan Notis Menghendaki Perniagaan Dihentikan;
 - (iii) Mengeluarkan Notis Mengkehendaki Kacauganggu Dihapuskan; dan
 - (iv) Mengeluarkan Notis Binaan Tanpa Kebenaran.
- (b) Setakat ini, sebanyak 26 notis telah dikeluarkan terhadap 10 buah syarikat yang menjalankan operasi kilang plastik secara tidak sah di Seberang Perai. Bagi menutup kilang plastik yang beroperasi secara tidak sah, MBSP kini sedang dalam tindakan untuk membawa kes-kes tersebut ke mahkamah.

LAMPIRAN A

SENARAI KILANG PLASTIK YANG BEROPERASI SECARA HARAM DI SEBERANG PERAI

BIL	NAMA SYARIKAT	ALAMAT PERNIAGAAN	TINDAKAN YANG TELAH DIAMBAIL	TINDAKAN PENGUATKUASAAN DALAM PERANCANGAN
1	Khk Enterprise	No. 8025, Mk. 16, Jalan Bagan Lallang 13400 Butterworth Seberang Perai Utara	1. Notis Tawaran Kompaun 2. Notis Mengkhendaki Perniagaan Dihentikan 3. Notis Binaan Tanpa Kebenaran	1. Tindakan meruntuh / mahkamah
2	Khk Recycle Sdn Bhd	No. 49, Lorong Mak Mandin 5/3 Kaw Perindustrian Mak Mandin, Seberang Perai Utara	1. Notis Tawaran Kompaun 2. Notis Mengkhendaki Perniagaan Dihentikan	1. Tindakan mahkamah
3	Xin Tai Plastic Enterprise	No. 3615, Jalan Permatang Pauh , Mak Mandin , Seberang Perai Utara	1. Notis Tawaran Kompaun 2. Notis Mengkhendaki Perniagaan Dihentikan 3. Notis Binaan Tanpa Kebenaran	1. Tindakan meruntuh / mahkamah
4	VS Recycle (M) Sdn Bhd	Lot. 1282, Mk. 5 Jalan Kubang Semang Permatang Pauh, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah	1. Notis Tawaran Kompaun 2. Notis Mengkhendaki Perniagaan Dihentikan 3. Notis Binaan Tanpa Kebenaran	1. Tindakan meruntuh / mahkamah
5	Hsieh Tai Technology Sdn Bhd	No. 433, Jalan Pengkalan Bukit Tengah, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah	1. Notis Tawaran Kompaun 2. Notis Mengkhendaki Perniagaan Dihentikan 3. Notis Binaan Tanpa Kebenaran	1. Tindakan meruntuh / mahkamah
6	First Cleaning Service	Lot. 1044 Mk. 6 Jalan Pengkalan Bukit Tengah Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah	1. Notis Tawaran Kompaun 2. Notis Mengkhendaki Perniagaan Dihentikan	1. Tindakan mahkamah
7	Ng Chin Hooi Coating Sdn Bhd	No. 1516 Tingkat Selamat 5, Kampong Selamat Tasek Gelugor Seberang Perai Utara	1. Notis Tawaran Kompaun 2. Notis Mengkhendaki Perniagaan Dihentikan 3. Notis Binaan Tanpa Kebenaran	1. Tindakan meruntuh / mahkamah
8	Seri Emas Cleaning Services Sdn Bhd	Jalan Pala 8, Kawasan Perindustrian Ringan Alma, Seberang Perai Tengah	1. Notis Tawaran Kompaun 2. Notis Mengkhendaki Perniagaan Dihentikan	1. Tindakan mahkamah
9	MS Wawasan Trading	Jalan Pala 4, Kawasan Perindustrian Alma , Seberang Perai Tengah	1. Notis Tawaran Kompaun 2. Notis Mengkhendaki Perniagaan Dihentikan	1. Tindakan mahkamah
10	Alpha Surface Technology	1142, Permatang Sena , Kampong Tongkang 14100 Permatang Timggi, Seberang Perai Tengah	1. Notis Tawaran Kompaun 2. Notis Mengkhendaki Perniagaan Dihentikan 3. Notis Binaan Tanpa Kebenaran	1. Tindakan meruntuh / mahkamah